

**PENDEKATAN PEMUDAH CARA DALAM PEMBANGUNAN
PERUMAHAN UNTUK GOLONGAN B40**

YUHANAS AUREE BIN KAMARUDDIN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganuerahan ijazah
Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Alam Bina dan Ukur
Universiti Teknologi Malaysia

MAC 2021

DEDIKASI

Penulisan Tesis ini saya tujukan kepada ibu, ayah serta semua pensyarah yang telah membimbing dan mendedahkan saya dengan pelbagai ilmu dan pengetahuan untuk menjayakan penulisan ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada isteri dan anak-anak yang sentiasa menyokong dan mencerikan keadaan sepanjang masa. Rasa syukur juga dipanjatkan kepada Allah SWT kerana memberikan segala nikmat dan rezeki kepada kita semua.

PENGHARGAAN

Dalam usaha penyediaan tesis ini saya telah berhubung dengan pelbagai pihak, yang terdiri daripada, pengkaji, akademik, jabatan/ agensi kerajaan dan pengamal industri perumahan. Mereka semua telah memberikan sumbangan idea, pendapat dan pemahaman saya terhadap penghasilan nukilan penulisan ini. Saya ingin merakamkan penghargaan jutaan terima kasih kepada penyelia utama tesis yang saya sanjungi iaitu. Sr. Dr. Megat Mohd Ghazali Bin Megat Abd. Rahman kerana bimbingan, galakan, persahabatan, motivasi dan kritikan yang membina dalam penghasilan nukilan penulisan ini. Tidak dilupakan juga Dr. Siti Radiaton Adawiyah binti Zakaria panel penilai 1 dan Dr. Ainur Zaireen binti Zainuddin panel penilai 2 penilai atas nasihat, kritikan dan bimbingan dalam penyediaan penulisan laporan kajian ini. Tanpa bimbingan, sokongan dan panduan mereka, penulisan ini sukar disempurnakan seperti mana kini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam kerana telah memberikan pembiayaan pengajian Sarjana ini. Penghargaan juga diucapkan kepada Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) atas bantuan membekalkan rujukan bagi kajian dan penulisan ini. Penghargaan juga diucapkan kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak, Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Perak (LPHP), Pengerusi Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Perak (REHDA PERAK), Majlis Daerah Kampar dan Pejabat Daerah dan Tanah Kampar, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak serta Syarikat Mimbar Nusantara Sdn Bhd atas bantuan maklumat dan data bagi kajian ini. Penghargaan juga diucapkan kepada semua rakan pelajar sarjana atas sokongan semangat dan perkongsian maklumat serta pengalaman dalam penyediaan kertas ini. Segala pandangan, petunjuk dan petua yang diberikan amat berharga dan dihargai. Tidak dilupakan juga jutaan penghargaan dan terima kasih kepada keluarga, saudara dan sahabat serta kenalan yang telah memberikan semangat dan sokongan menyempurnakan pengajian sarjana ini.

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji pembangunan perumahan kos rendah secara pendekatan pemudah cara di Projek Skim Perumahan Perakku 1 Tualang Sekah, Kampar, Perak Darul Ridzuan. Penawaran perumahan kos rendah dilaksanakan oleh Kerajaan, usahasama dengan pemaju swasta melalui badan-badan dan agensi kerajaan serta pemaju swasta melalui dasar kuota pembangunan rumah kos rendah yang ditetapkan oleh kerajaan Negeri Perak. Namun penawaran rumah kos rendah daripada tiga sumber tersebut masih lagi tidak dapat memenuhi permintaan rumah yang tinggi daripada golongan B40. Ini disebabkan oleh keterbatasan peruntukan kerajaan dan tumpuan kepada pembangunan perumahan mampu milik untuk golongan M40 oleh pemaju swasta dan juga agensi-agensi kerajaan kerana keperluan keuntungan ke atas pelaburan hartanah yang dilaksanakan. Rentetan itu, Kerajaan Negeri Perak telah melaksanakan pembangunan Skim Perumahan Kos Rendah Perakku secara pendekatan pemudah cara untuk ditawarkan kepada golongan berpendapatan rendah. Pendekatan pembangunan ini dilaksanakan melalui sinergi perkongsian dana pembangunan rumah antara kerajaan dan pembeli B40 dengan pemaju swasta sebagai pelaksanaan pembangunan rumah kos rendah. Sehubungan dengan itu kajian ini akan memberi fokus kepada kajian kes pendekatan pemudah cara dalam pembangunan perumahan kos rendah Perakku Tualang Sekah Kampar Perak. Ini disusuli dengan kajian persepsi pemaju di Negeri Perak terhadap inisiatif dan insentif pendekatan pemudah cara pembangunan perumahan kos rendah tersebut. Daripada maklumbalas yang diperolehi, semua pemaju bersetuju bahawa pendekatan pemudah cara akan memudahkan pemaju membangunkan perumahan kos rendah dengan inisiatif dan insentif pemudah cara seperti dana mudah cara pembangunan infrastruktur, penyediaan senarai pembeli yang mendapat pinjaman penuh, penyediaan tanah kerajaan yang murah, pengecualian atau dikenakan bayaran sumbangan, caj kadar kadar nominal, proses kelulusan pembangunan yang cepat dan lain-lain lagi. Pendekatan ini terbukti berpotensi untuk dikembangkan pelaksanaannya dalam pembangunan perumahan kos rendah untuk golongan B40 yang yang lain.

ABSTRACT

This study was conducted to study facilitative approach in the development of the Perakku 1 low-cost housing scheme project at Tualang Sekah, Kampar, Perak Darul Ridzuan. The supply of low-cost housing is implemented by the Government, joint ventures with private developers through government bodies and agencies as well as private developers through the low cost housing development quota policy set by the Perak State government. However, the supply of low-cost houses from the three sources still can not meet the high demand for housing from the B40 group. This is due to the limited allocation of government and the focus on the development of affordable housing for the M40 group by private developers as well as government agencies due to the need for profit on real estate investments. For that, the Perak State Government has implemented the development of the Perakku Low-Cost Housing Scheme with facilitative approach to be offered to the low-income group. This development approach is implemented through the synergy of fund sharing in home development between the government and B40 buyers and the private sector as the developers of low-cost housing development. For that, this study will focus on the case study of the facilitative approach in the development of Perakku 1 low-cost housing scheme at, Tualang Sekah Kampar Perak. This is followed by a study on developers perception in the State of Perak initiatives and incentives within facilitative approach in the development of low cost housing. From the feedback obtained, all developers agree that the facilitative approach will facilitate developers to develop low cost housing with initiatives and incentives such as infrastructure development funds, provision of full loan list buyers, provision of cheap government land, exemptions or fees contributions at nominal rate charges, rapid development approval process and many more. This approach has the potential to be expand its implementation in further developments of low-cost housing for the B40s.

SENARAI KANDUNGAN

| | TAJUK | MUKA SURAT |
|--------------|--|-------------|
| | PENGAKUAN | iii |
| | DEDIKASI | iv |
| | PENGHARGAAN | v |
| | ABSTRAK | vi |
| | ABSTRACT | vii |
| | SENARAI KANDUNGAN | viii |
| | SENARAI SINGKATAN | xvi |
| | SENARAI SIMBOL | xvii |
| BAB 1 | Pengenalan | 1 |
| | 1.1 Latar Belakang Kajian | 1 |
| | 1.2 Pernyataan Masalah | 2 |
| | 1.3 Persoalan Kajian | 6 |
| | 1.4 Matlamat Kajian | 6 |
| | 1.4.1 Objektif Kajian | 7 |
| | 1.5 Skop Kajian | 7 |
| | 1.6 Kepentingan Kajian | 7 |
| | 1.6.1 Institusi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Badan Berkanun Kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). | 8 |
| | 1.6.2 Pemaju Perumahan | 8 |
| | 1.6.3 Pembeli Rumah Golongan B40 | 9 |
| | 1.6.4 Orang Ramai, Pembaca dan Pengkaji Yang Lain | 9 |
| | 1.7 Metodologi Kajian | 10 |
| | 1.7.1 Peringkat Perancangan, Kajian Awalan dan Teorikal | 11 |
| | 1.7.2 Peringkat Pengumpulan Maklumat dan Data | 11 |
| | 1.7.2.1 Instrumen Pengumpulan Data | 12 |
| | 1.7.2.2 Pensampelan Populasi | 13 |

| | | |
|--------------|--|-----------|
| 1.7.2.3 | Ujian Rintis | 14 |
| 1.7.2.4 | Kesahihan dan Kebolehpercayaan | 15 |
| 1.7.2.5 | Dapatan Soal Selidik | 15 |
| 1.7.3 | Peringkat Analisis Kajian | 16 |
| 1.7.3.1 | Kaedah Analisis Frekuensi | 16 |
| 1.7.3.2 | Analisis Penjadualan Silang | 16 |
| 1.7.3.3 | Perskalaan Likert | 17 |
| 1.7.4 | Peringkat Kesimpulan Dan Cadangan | 17 |
| 1.8 | Susunatur Bab | 18 |
| 1.8.1 | Bab Satu : Pengenalan | 18 |
| 1.8.2 | Bab Dua : Kajian Literatur Pendekatan Pemudah Cara | 18 |
| 1.8.3 | Bab Tiga : Kajian Kes Pembangunan Rumah Kos Rendah Perakku di Tualang Sekah, Kampar, Perak | 19 |
| 1.8.4 | Bab Empat : Analisis Data | 19 |
| 1.8.5 | Bab Lima : Kesimpulan dan Cadangan | 19 |
| BAB 2 | PENDEKATAN PEMUDAH CARA DALAM PEMBANGUNAN RUMAH KOS RENDAH | 21 |
| 2.1 | Pengenalan | 21 |
| 2.2 | Pendekatan Pemudah Cara Dalam Pembangunan Perumahan | 21 |
| 2.3 | Perumahan Mampu Milik Kos Rendah Golongan B40 di Negeri Perak | 34 |
| 2.4 | Pembangunan Perumahan Kos Rendah oleh Pemaju Swasta di Negeri Perak | 47 |
| 2.5 | Krisis Pemaju Membangunkan Perumahan Kos Rendah Untuk Golongan B40 | 52 |
| 2.6 | Permintaan Rumah Efektif | 57 |
| 2.7 | Golongan Pendapatan Rendah B40 | 60 |
| BAB 3 | PEMBANGUNAN PERUMAHAN KOS RENDAH PERAKKU 1 DI TUALANG SEKAH, KAMPAR, PERAK | 63 |
| 3.1 | Pengenalan | 63 |
| 3.2 | Latar Belakang Kawasan Malim Nawar dan Daerah Kampar | 63 |

| | | |
|--------------|--|------------|
| 3.3 | Kelulusan Kerajaan Negeri Pembangunan Rumah Melalui Dana Mudah Cara Di Negeri Perak | 65 |
| 3.4 | Pembangunan Rumah Perakku Secara Pendekatan Pemudah Cara di Bawah Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak | 70 |
| 3.5 | Projek Rumah Kos Rendah Perakku 1 Tualang Sekah, Kampar, Perak. | 73 |
| 3.6 | Rumusan | 94 |
| BAB 4 | ANALISIS DATA | 95 |
| 4.1 | Pengenalan | 95 |
| 4.2 | Analisis Bahagian A: Demografi Respondan | 95 |
| 4.3 | Analisis Bahagian B: Analisis Persepsi Pemaju terhadap Pendekatan Pemudah Cara | 100 |
| 4.3.1 | Analisis Skor Min | 100 |
| 4.3.2 | Analisis Tahap Persetujuan Pemaju | 105 |
| 4.3.3 | Analisis Penjadualan Silang Khi Kuasa Dua | 108 |
| 4.4 | Rumusan | 112 |
| BAB 5 | KESIMPULAN DAN CADANGAN | 115 |
| 5.1 | Pengenalan | 115 |
| 5.2 | Penemuan Kajian | 115 |
| 5.2.1 | Objektif Pertama Mengkaji pendekatan pemudah cara dalam pembangunan perumahan kos rendah Perakku 1 di Tualang Sekah, Kampar Perak. | 116 |
| 5.2.2 | Objektif Kedua Mengkaji persepsi pemaju terhadap pendekatan pemudah cara dalam pembangunan rumah kos rendah di Negeri Perak | 120 |
| 5.3 | Cadangan | 121 |
| 5.3.1 | Pembangunan Skala Besar | 122 |
| 5.3.2 | Perundingan Awal dengan Semua Agensi Persekutuan Bagi Persefahaman Pelaksanaan | 122 |
| 5.3.3 | Pelaksanaan Pemudah Cara Secara Reka dan Bina | 123 |
| 5.3.4 | Penggunaan Tenaga Kerja Tempatan | 123 |
| 5.4 | Limitasi Kajian | 124 |
| 5.5 | Cadangan Kajian Lanjutan | 125 |
| 5.6 | Kesimpulan | 125 |

SENARAI JADUAL

| NO JADUAL. | TAJUK | MUKA SURAT |
|-------------------|---|-------------------|
| Jadual 1.1 | Statistik Kebolehpercayaan | 15 |
| Jadual 2.1 | Mod Peruntukan Perumahan di Negara Negara Membangun | 35 |
| Jadual 2.2 | Perubahan Harga Rumah Kos Rendah | 38 |
| Jadual 2.3 | Dasar Penetapan Kouta Komponen Perumahan Negeri Perak | 48 |
| Jadual 2.4 | Komponen Pembangunan Perumahan Tahun 2019 | 49 |
| Jadual 2.5 | Pindaan Kadar Penalti Bagi Pengecualian Komponen Perumahan Rumah Perakku Bagi Sesuatu Pemajuan Perumahan | 50 |
| Jadual 3.1 | Anggaran Perbandingan Pembiayaan Pembangunan Terus dengan Perkongsian Pembiayaan Kerajaan dan Pembeli | 67 |
| Jadual 3.2 | Spesifikasi Rumah Perakku | 71 |
| Jadual 3.3 | Tempoh Kelulusan Pra Pembangunan Skim Perumahan Perakku Tualang Sekah | 90 |
| Jadual 4.1 | Tempoh pengalaman pemaju dalam industri perumahan | 96 |
| Jadual 4.2 | Pecahan Lokasi Pembangunan Perumahan Yang Sedang dan Telah dibangunkan responden. | 97 |
| Jadual 4.3 | Keluasan Tanah Skim Perumahan Yang Sedang/ Telah Dimajukan | 98 |
| Jadual 4.4 | Bilangan Unit Skim Telah dan Sedang Dibangunkan Respondan | 99 |
| Jadual 4.5 | Tafsiran Penentuan Tahap Kenyataan Berdasarkan Petunjuk Skor Min | 101 |
| Jadual 4.6 | Keputusan Analisis Skor Min Keseluruhan Kenyataan Inisiatif dan Insentif Pendekatan Pemudah Cara dalam Pembangunan Rumah Kos Rendah | 101 |
| Jadual 4.7 | Analisis skor min Persepsi Pemaju terhadap Inisiatif dan Insentif Pendekatan Pemudah Cara dalam Pembangunan Rumah Kos Rendah | 103 |

| | | |
|------------|--|-----|
| Jadual 4.8 | Analisis Tahap Persetujuan Pemaju Terhadap Inisiatif dan Insentif Pendekatan Pemudah Cara Pembangunan Rumah Kos Rendah | 105 |
| Jadual 4.9 | Analisis Hubungan Antara Pembangunan Rumah Kos Rendah dengan inisiatif dan insentif pendekatan pemudahcara | 109 |

SENARAI RAJAH

| FIGURE NO. | TITLE | PAGE |
|-------------------|--|-------------|
| Rajah 1.1 | Carta Alir Peringkat Metodologi Kajian | 10 |
| Rajah 2.1 | Model Konseptual Peruntukan Perumahan | 35 |
| Rajah 2.2 | Gambar asal rumah teres setingkat RPA Bemban, Batu Gajah, Kinta Perak | 42 |
| Rajah 2.3 | Lokasi skim perumahan RPA Bemban Kinta Perak (kini dinamakan sebagai Taman Bemban Awam | 43 |
| Rajah 2.4 | Gambar PPR Seri Iskandar, Perak Tengah, Perak | 44 |
| Rajah 2.5 | Lokasi Rumah PPR Seri Iskandar, Perak Tengah, Perak | 45 |
| Rajah 2.6 | Skim Perumahan Taman Simpang Bakti Taiping, Perak | 47 |
| Rajah 3.1 | Peta Kawasan Malim Nawar dan Daerah Kampar | 64 |
| Rajah 3.2. | Lokasi Projek Rumah Perakku 1 Tualang Sekah, Kampar, Perak | 73 |
| Rajah 3.3 | Pelan Susun Atur Rumah Perakku Tualang Sekah, Kampar Perak | 75 |
| Rajah 3.4. | Komponen pembangunan di Tapak Rumah Perakku Tualang Sekah, Kampar Perak | 75 |
| Rajah 3.5 | Pelan Lantai dan Spesifikasi Rumah Perakku 1 Tualang Sekah, Kampar Perak | 76 |
| Rajah 3.6 | Gambar usaha haram kolam ikan di tapak projek rumah Perakku Tualang Sekah, Kampar | 77 |
| Rajah 3.7 | Gambar-gambar pembinaan Skim Rumah Perakku 1 Tualang Sekah, Kampar, Perak | 79 |
| Rajah 3.8 | Sijil Kebenaran Merancang Skim Perumahan Perakku Tualang Sekah, Kampar Perak, | 81 |
| Rajah 3.9 | Surat Kelulusan Pelan Bangunan Skim Perumahan Perakku Tualang Sekah, Perak | 82 |
| Rajah 3.10 | Surat ulasan JKR berkaitan membaiki menaiktaraf jalan dan parit. | 85 |
| Rajah 3.11 | Sijil CCC Skim Rumah Perakku (Amanjaya II) Tualang Sekah pada 12 Disember 2019. | 88 |

| | | |
|------------|--|----|
| Rajah 3.12 | Gambar Majlis Penyerahan Kunci Rumah Perakku Tualang Sekah, Kampar Perak Darul Ridzuan | 89 |
| Rajah 3.13 | Gambar YAB Dato Seri Ahmad Faizal bin Azumu, Menteri Besar Perak bersama pembeli-pembeli Rumah Perakku Tualang Sekah, Kampar Perak Darul Ridzuan (Sumber, LPHP). | 89 |
| Rajah 4.1 | Tempoh pengalaman pemaju dalam industri perumahan | 96 |
| Rajah 4.2 | Pecahan lokasi pembangunan perumahan yang sedang/ telah dimajukan responden. | 97 |
| Rajah 4.3 | Keluasan tanah skim perumahan yang sedang/ telah dimajukan | 98 |
| Rajah 4.4 | Bilangan unit skim telah dan sedang dibangunkan | 99 |

SENARAI SINGKATAN

| | | |
|-------------|---|--|
| B40 | - | kumpulan berpendapatan 40% terendah atau golongan B40 adalah sesebuah isi rumah yang mempunyai jumlah pendapatan bulanan kurang daripada RM 4,360.00 sebulan |
| CCC | - | Sijil Penyiapan dan Pematuhan |
| CIDB | - | Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia |
| GLC | - | Government Link Company (Syarikat Berkaitan Kerajaan) |
| KPS | - | Kaki Persegi |
| JPN | - | Jabatan Perumahan Negara |
| KRI | - | Khazanah Research Institute |
| KPKT | - | Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan |
| LPHP | - | Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak |
| SPNB | - | Syarikat Perumahan Negara Berhad |
| PPAM | - | Program Perumahan Penjawat Awam |
| PAKR | - | Program Perumahan Awam Kos Rendah |
| PEMUDAH | - | Pasukan Petugas Khas Pemudah Cara Perniagaan |
| PBT | - | Pihak Berkuasa Tempatan |
| RPK1 | | Rumah Kos Rendah Perakku 1 |
| UNCHS | | United Nations Centre for Human Settlements |
| RPA | | Rancangan Perumahan Awam |
| PPR | | Program Perumahan Rakyat |
| KPKT | | Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan |
| UKAS | | Kerajaan melalui Unit Kerjasama Awam Swasta |
| REHDA Perak | | Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Perak |

SENARAI SIMBOL

| | | |
|---|---|-------------------|
| n | - | Jumlah sampel |
| N | - | Jumlah populasi |
| e | - | Ralat pensampelan |

SENARAI LAMPIRAN

| LAMPIRAN | TAJUK | MUKA SURAT |
|------------|---|------------|
| Lampiran A | Borang Soal Selidik | 146 |
| Lampiran B | Senarai Pemaju Swasta Yang Komited Membangun Rumah Kos Rendah 2015 -2020 | 154 |
| Lampiran C | Faktor Faktor dan Krisis Dalam Pembangunan | 155 |
| Lampiran D | Perbandingan Kos Pematuhan Berdasarkan Pembangunan 50 Unit Rumah Tahun 2010 dengan 2020 | 158 |
| Lampiran E | Senarai Pembeli Rumah Rumah Perakku | 159 |
| Lampiran F | Analisis Statistik Soal Selidik | 162 |

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Perumahan adalah merupakan salah satu keperluan asas utama kepada kehidupan manusia. Perumahan memberi tempat perlindungan, pertumbuhan keluarga, sosial, ekonomi dan juga kerohanian kepada manusia. Semua golongan rakyat perlu diberi peluang dan ruang untuk memiliki rumah mengikut kemampuan mereka. Namun begitu, pasaran perumahan adalah tidak sempurna dan dilihat kurang menyediakan perumahan yang mampu dimiliki oleh golongan berpendapatan rendah atau golongan B40 kerana kecenderungan pemaju-pemaju untuk memaksimumkan keuntungan dalam setiap pelaburan yang dilaksanakan dengan pembangunan rumah dan hartanah bernilai tinggi (Nor 'Aini Yusof, 2007).

Walaupun permintaan daripada golongan B40 tersebut disokong dengan kemampuan ekonomi yang efektif, penawaran perumahan di pasaran adalah pada harga yang tinggi dan diluar kemampuan pembelian golongan tersebut (Khazanah Research Institute, 2019). Atas kesedaran ini kerajaan telah mula melaksanakan campur tangan dalam pasaran perumahan bagi memastikan golongan B40 yang disokong dengan kemampuan pembelian efektif mempunyai akses kepada penawaran perumahan kos rendah (KPKT, 2018).

Salah satu bentuk campurtangan kerajaan dalam penawaran perumahan kos rendah dalam pasaran adalah berbentuk pendekatan pemudah cara kepada input dan elemen pembangunan dan penawaran perumahan terutamanya perumahan harga murah atau kos rendah. Kaedah Pemudah cara ini merangkumi penyediaan tanah, dana infrastruktur, kelulusan pra pembangunan yang pantas, penetapan standard pembangunan infra yang bersesuaian, pengecualian atau bayaran caj atau fi yang nominal, program pembiayaan dan lain-lain lagi (Nor 'Aini, 2007; Mohammed

Yahaya Ubale; David Martin & Seow Ta Wee.18-19 Dec 2012). Pendekatan ini dilihat berpotensi untuk mewujudkan penawaran rumah kos rendah di pasaran dan mengurangkan jurang permintaan perumahan untuk golongan B40 efektif. Pendekatan ini juga melibatkan kerjasama erat dan sihat antara sektor awam sebagai penyedia pemudah cara dan swasta yang melaksanakan pembangunan rumah dengan cekap dan efisien selaras sebagai pemain industri perumahan.

Kerajaan Negeri Perak telah melaksanakan pembangunan rumah mampu milik kos rendah secara pemudah cara bermula pada tahun 2018. Pembangunan perumahan ini melibatkan elemen insentif pemudah cara berbentuk tanah, dana kerja tanah dan infrastruktur, bantuan proses kelulusan pra pembangunan cepat (*fast track*), standard pembangunan infra yang bersesuaian dan juga penyediaan pembeli perumahan yang mempunyai permintaan efektif. Projek Rumah Kos Rendah Perakku Tualang Sekah, Kampar telah dipilih untuk kajian kes. Projek ini dipilih kerana merupakan projek dibangunkan secara pemudah cara dan telah siap dijual dalam tahun 2020.

1.2 Pernyataan Masalah

Pasaran hartanah perumahan masa kini adalah lebih tertumpu kepada hartanah untuk golongan berpendapatan sederhana dan tinggi kerana pelaburan terhadap hartanah tersebut adalah lebih menguntungkan pemaju perumahan. Kajian Suresh (1996), Nur 'Aini (2007), Wan Ibrisam (1997) & Zhafrie Akma (2012) mendapati pemaju lebih mementingkan keuntungan dengan cenderung membangunkan perumahan harga tinggi seperti kondominium, banglo dan teres dua tingkat kerana memberi pulangan pelaburan yang menguntungkan. Ini mengakibatkan pembangunan perumahan murah atau kos rendah untuk golongan pendapatan rendah atau golongan B40 agak ketinggalan dibangunkan dan kurang ditawarkan dalam pasaran.

Dalam usaha memastikan semua lapisan masyarakat mendapat rumah kediaman mengikut kemampuan masing-masing, Kerajaan telah merancang untuk

menyediakan beberapa jenis kategori rumah iaitu rumah kos rendah, rumah kos sederhana dan rumah kos mewah (Mohd Ali Baharom, 2013). Kerajaan Persekutuan dan Negeri telah melaksanakan beberapa pendekatan campur tangan dalam penawaran pasaran perumahan kos rendah seperti melaksanakan sendiri pembangunan perumahan kos rendah seperti rumah Program Perumahan Rakyat(PPR) dan Rancangan Perumahan Awam(RPA), pembangunan rumah secara usahasama melalui agensi/ perbadanan kerajaan, pelaksanaan dasar penetapan kuota pembangunan komponen perumahan kos rendah, dan terkini melaksanakan pembangunan perumahan secara kaedah pemudah cara dengan pemaju swasta. Kaedah ini dilaksanakan bagi mengurangkan penglibatan kerajaan secara terus dalam pasaran perumahan dan menggalakkan pasaran berjalan dengan cekap menyediakan perumahan (World Bank, 1988).

Pembangunan perumahan kos rendah yang dilaksanakan oleh sektor awam pula adalah lebih kepada pembangunan secara konvensional yang memerlukan kerajaan menyediakan bajet dan peruntukan yang besar untuk pembangunan perumahan berkaitan seperti yang dilaksanakan dalam Program Perumahan Rakyat (PPR). Sebagai contoh Projek 99 unit rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) Seri Iskandar di Daerah Perak Tengah, Perak yang siap dibina pada tahun 2019 telah dibina pada RM155,000.00 sebuah rumah dan dijual pada harga RM 35,000.00 kepada golongan B40 di kawasan daerah Perak Tengah (Berita Harian, 22 Ogos 2016). Rekabentuk bangunan adalah sebuah rumah teres setingkat bersaiz 700 kps dengan kemudahan 3 Bilik dan 2 bilik air/tandas di atas lot tanah seluas 22 x 65 kps. Kerajaan Persekutuan perlu menyediakan peruntukan penuh sebanyak RM 15,345,000 untuk pembangunan perumahan tersebut. Perumahan yang dibangunkan hanya dapat ditawarkan kepada 99 orang pembeli sedangkan permohonan yang diterima adalah lebih dari 1,000 permohonan daripada penduduk tempatan (LPHP, 2020). Peruntukan kerajaan yang terhad membataskan kemampuan sektor awam menyediakan lebih banyak perumahan kos rendah untuk golongan pendapatan rendah walaupun mempunyai permintaan yang tinggi untuk perumahan berkaitan.

Pendekatan pembangunan rumah kos rendah secara usahasama agensi/ perbadanan kerajaan dan dasar penetapan komponen kuota perumahan yang

dilaksanakan oleh negeri-negeri sejak dari tahun 1980an telah menunjukkan peningkatan positif terhadap penawaran perumahan kos rendah semasa ekonomi sedang membangun. Tetapi pendekatan tersebut hanya berpotensi dilaksanakan semasa keadaan ekonomi yang baik dan kurang berkesan semasa ekonomi meleset. Semasa ekonomi tidak memberansangkan silang subsidi pembangunan antara harga jualan rumah harga tinggi untuk membangunkan rumah kos rendah tidak dapat dilaksanakan dengan baik kerana kesukaran pemaju menjual rumah harga tinggi untuk membiayai pembangunan perumahan tersebut. Hasilnya tanah yang ditetapkan untuk pembangunan perumahan kos rendah oleh kerajaan negeri ditangguhkan pembangunannya atau dijual pada pihak lain (Nor 'Aini, 2007).

Kerajaan juga telah melaksanakan pembangunan perumahan secara pendekatan pemudah cara dengan usahasama pemaju swasta melalui program-program seperti MyHome, Program Perumahan Penjawat Awam (PPAM), dan Rumah Mesra Rakyat (RMR). Program Perumahan Penjawat Awam (PPAM) adalah program perumahan mampu milik yang mendapat bantuan dana mudahcara sehingga 10% daripada kos projek atau bersamaan RM 55,000 sebuah rumah untuk dijual 30% rendah daripada harga pasaran (UKAS, 2014). Program MyHome dan MyDeposit adalah program perumahan bantuan subsidi atau dana mudah cara sebanyak RM 30,000 sebuah rumah atau pembayaran deposit pembelian sebanyak 10% atau maksimum RM 30,000 sebuah rumah bagi membantu golongan M40 membeli rumah.

Program perumahan seperti Program Perumahan Penjawat Awam (PPAM), Program Perumahan My Home 1 dan 2 (KPKT, Oktober 25, 2013) dan Program Perumahan My Deposit (KPKT, April 6, 2016) adalah program perumahan secara pemudah cara yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan lebih menjurus kepada pembangunan perumahan mampu milik berharga RM 80,000 hingga RM 300,000 untuk golongan M40 dan tidak menjurus kepada pembangunan perumahan rumah harga murah atau kos rendah untuk golongan B40.

Program Perumahan Mesra Rakyat yang dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) secara pemudah cara bertujuan membantu

golongan berpendapatan rendah memiliki rumah di atas tanah milik sendiri yang berkeluasan tidak kurang 3600 kaki persegi (SPNB, 2020). Jualan rumah ini dilaksanakan pada harga jualan RM 55,000 dengan subsidi sebanyak RM20,000 sebuah rumah dengan harga kos pembinaan RM 75,000 (SPNB, 2020). Pembangunan pemudah cara perumahan Mesra Rakyat (RMR, SPNB) untuk golongan B40 adalah lebih berbentuk rumah sesebuah/banglo atas tanah peserta program dan tidak dilaksanakan secara skim perumahan yang terikat dengan syarat dan piawaian standard agensi kawalan pembangunan dibawah Pihak Berkuasa Tempatan. Ini bermakna pembangunan tertumpu kepada pembangunan rumah sahaja dan tidak melibatkan pembangunan infrastruktur lain dan mendapat kelulusan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan atau *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) seperti skim perumahan terancang lain. Skim perumahan yang dikeluarkan sijil CCC diperlukan untuk insuran dan juga pembiayaan pinjaman institusi kewangan.

Kaedah pembangunan perumahan rumah mesra rakyat dilaksanakan secara pemudah cara dan kaedah pelaksanaan Program Perumahan Penjawat Awam (PPAM) dilihat berpotensi dikembangkan untuk pembangunan perumahan rumah murah atau kos rendah untuk golongan berpendapatan rendah yang mempunyai kuasa pembelian efektif dengan nilai jualan rumah untuk golongan tersebut. Sekiranya pendekatan pemudah cara dilaksanakan dan diselaraskan harga jualan rumah mengikut siling kemampuan efektif golongan B40, peruntukan yang perlu dikeluarkan mungkin hanya 50% daripada peruntukan sebenar keseluruhan projek. Kerajaan hanya perlu membantu pembiayaan pembangunan infrastruktur persekitaran rumah dan disusuli dengan pengurangan caj atau fi berkaitan serta menyediakan senarai pembeli efektif dikalangan B40. Manakala pembangunan rumah dibiayai oleh pembeli rumah yang mempunyai kemampuan pembiayaan daripada institusi kewangan atau sumber pembiayaan lain.

Kerajaan Negeri Perak telah melaksanakan kaedah pemudah cara dalam program pembangunan skim perumahan Perakku. Pembangunan Rumah Perakku dilaksanakan dengan kerjasama pemaju swasta secara perkongsian kos dan pembangunan perumahan kos rendah antara kerajaan melalui insentif dana mudahcara pembangunan infrastruktur dan pembeli membiayai kos pembangunan

rumah. Pendekatan baru untuk membangunkan perumahan kos rendah ini dilihat berpotensi mewujudkan penawaran perumahan yang mampu diakses dengan permintaan efektif oleh golongan berpendapatan rendah. Dalam masa yang sama pembangunan cara ini berupaya mengurangkan perbelanjaan peruntukan kerajaan dalam membangunkan perumahan kos rendah antara 40% hingga 60% dengan kualiti pembangunan perumahan kos rendah yang setanding dengan rumah mampu milik kos sederhana yang lain. Sehubungan itu, tujuan kajian ini dibuat adalah untuk mengkaji pendekatan pemudah cara dalam pembangunan rumah kos rendah Perakku yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Perak melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak serta pandangan pemaju perumahan berkaitan pendekatan tersebut.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan permasalahan di atas terdapat beberapa persoalan kajian boleh dibentuk seperti berikut:

- a) Apakah pendekatan pemudah cara dalam pembangunan perumahan kos rendah untuk golongan B40 di Negeri Perak.
- b) Apakah pandangan pemaju terhadap pendekatan pemudah cara dalam pembangunan rumah kos rendah di Negeri Perak.

1.4 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji pendekatan pemudah cara dalam membantu pembangunan rumah kos Rendah Perakku di Tualang Sekah, Kampar Perak untuk golongan B40 yang mempunyai permintaan yang efektif.

1.4.1 Objektif Kajian

Untuk menjawab persoalan kajian di atas sebanyak dua (2) objektif kajian dibentuk seperti berikut:

- a) Mengkaji pendekatan pemudah cara dalam pembangunan perumahan kos rendah Perakku di Tualang Sekah, Kampar Perak.
- b) Mengkaji persepsi pemaju terhadap pendekatan pemudah cara dalam pembangunan rumah kos rendah di Negeri Perak.

1.5 Skop Kajian

Untuk kajian ini skop kajian ditetapkan dalam ruang dan batasan bagi membolehkan objektif kajian dicapai. Batasan skop ini dibentuk disebabkan faktor kekangan kewangan, tenaga, masa yang terhad serta dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan(PKP) yang membataskan pergerakan mendapatkan data primer sekunder. Skop Kajian difokuskan kepada perkara-perkara seperti berikut:

- a) Projek perumahan kos rendah ditumpukan kepada satu (1) projek skim Perumahan Perakku Tualang Sekah Kampar kerana projek ini dilaksanakan melalui pendekatan pemudah cara yang siap pada tahun 2020.
- b) Kajian ini memfokuskan kepada persepsi pemaju di negeri Perak di bawah Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA) Perak dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Perak(LPHP).

1.6 Kepentingan Kajian

Pembangunan perumahan mampu milik terutamanya perumahan kos rendah telah lama menjadi tumpuan kerajaan dan perhatian rakyat berpendapatan rendah.

Kajian berkaitan pendekatan pembangunan secara pemudah cara ini akan memberi manfaat pelaksanaan dan rujukan bagi pihak-pihak seperti berikut:

1.6.1 Institusi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Badan Berkanun Kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC).

Kajian ini berpotensi memberi ruang kepada institusi-institusi pelaksana untuk meneroka pendekatan baru dalam membangunkan perumahan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah. Pendekatan pemudah cara ini dapat memaksimumkan peruntukan kerajaan ada untuk mendapat lebih banyak rumah kos rendah berbanding pendekatan pembangunan konvensional biasa. Selain itu juga kajian ini akan membantu Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk merancang dasar dan polisi yang boleh menggalakkan pemaju pemaju swasta untuk membangunkan perumahan kos rendah. Dasar dan polisi yang dibentuk berasaskan kajian ini akan memberi ruang kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menterjemah perancangan pembangunan dan berpotensi meningkatkan lagi penawaran perumahan kos rendah dalam pasaran melalui kebenaran merancang dan pelan bangunan yang diluluskan. Dalam masa yang sama penetapan standard yang sesuai untuk pembangunan perumahan kos rendah boleh diwujudkan bagi mengurangkan kos pembangunan perumahan tersebut. Ini berpotensi menarik pemaju-pemaju swasta untuk membangunkan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah. Pendekatan yang dikaji ini juga boleh digunakan oleh agensi lain untuk melaksanakan insentif-insentif mudah cara di bawah bidang masing masing untuk menggalakkan pemaju-pemaju swasta untuk membina lebih banyak lagi perumahan untuk golongan B40.

1.6.2 Pemaju Perumahan

Kajian ini dapat membantu pemaju perumahan mengenalpasti insentif-insentif dan input-input pembangunan yang boleh dioptimumkan untuk membangunkan perumahan kos rendah. Pengurusan kos yang optimum dengan

pendekatan pemudah cara boleh memberikan pulangan yang baik kepada pelabur dan tidak merugikan syarikat perumahan. Pemaju perumahan boleh merangka perancangan perumahan kos rendah dan diintegrasikan dengan pembangunan komponen perumahan yang lain tanpa menjejaskan nilai hartanah kawasan. Pemaju perumahan juga boleh memasuki segmen pasaran perumahan golongan berpendapatan rendah yang sentiasa mempunyai permintaan yang tinggi. Usaha ini akan dapat mengurangkan jurang perbezaan permintaan dan penawaran pasaran perumahan untuk golongan B40.

1.6.3 Pembeli Rumah Golongan B40


Kajian ini memberi pengetahuan dan kesedaran kepada pembeli-pembeli rumah terutamanya golongan pendapatan rendah mengenai usaha kerajaan melalui pendekatan pemudah cara untuk meningkatkan penawaran perumahan kos rendah dalam pasaran. Pembeli-pembeli dari golongan B40 boleh membina kemampuan kewangan untuk menyertai dan menyokong inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan ini.

1.6.4 Orang Ramai, Pembaca dan Pengkaji Yang Lain

Kajian ini sangat berfaedah kepada orang ramai, khususnya bagi meningkatkan pengetahuan dan tahap kesedaran berkaitan pendekatan alternatif dalam pembangunan perumahan kos rendah melalui kaedah pemudah cara dalam pasaran perumahan. Kajian ini juga boleh membantu orang ramai dan pengkaji lain memperkembangkan idea idea baru dalam pendekatan pembangunan perumahan sosial di Perak secara khususnya dan Malaysia Amnya.

1.7 Metodologi Kajian

Penulisan laporan ini disusun mengikut perancangan yang teratur. Perancangan bermula dari mengenal pasti tujuan dan permasalahan yang hendak dikaji dengan jelas dan diikuti pengumpulan data, penganalisaan data, rumusan serta cadangan-cadangan berkaitan dengan perbincangan dan dapatan kajian. Bagi kajian ini, kaedah kajian tinjauan dan soal selidik dilaksanakan bagi mengumpul data dan maklumat. Data primer akan diperolehi secara terus dari subjek kajian dan responden. Kajian kaedah ini dilihat bersesuaian kerana proses pengumpulan data kajian tidak memerlukan tempoh masa yang panjang. Kajian ini merupakan kajian kes yang bertujuan mengenalpasti pembangunan perumahan kos rendah secara pemudah cara serta mengkaji pandangan pemaaju terhadap pelaksanaannya bagi memenuhi permintaan pemilikan golongan berpendapatan rendah efektif di negeri Perak. Kajian ini merangkumi empat (4) peringkat seperti Rajah 1.1 berikut:



Rajah 1.1 Carta Alir Peringkat Metodologi Kajian

Sumber: Kajian penulis

1.7.1 Peringkat Perancangan, Kajian Awalan dan Teorikal

Peringkat awalan kajian melibatkan perancangan kajian, perjumpaan dan perbincangan bersama penyelia projek bagi pemilihan/ pengesahan tajuk penulisan, pengenalan persoalan masalah, objektif, skop kajian dan kepentingan kajian. Pada peringkat ini juga, maklumat dan data-data berkaitan kepentingan tajuk kajian diperolehi dari jabatan-jabatan dan agensi-agensi berkaitan untuk input maklumat permasalahan yang berbangkit dan keperluan untuk kajian lanjut dibuat terhadap tajuk yang dipilih. Bahan-bahan rujukan dan juga penemuan hasil kajian sarjana terdahulu berkaitan topik kajian disemak dan dikaji untuk memperkukuhkan lagi teori-teori berkaitan kepentingan pelaksanaan kajian serta petunjuk dalam penulisan laporan projek kajian.

1.7.2 Peringkat Pengumpulan Maklumat dan Data

Pengumpulan maklumat dan data adalah merupakan proses mendapatkan maklumat dari sumber primer dan sumber sekunder. Sumber maklumat dan data primer diperolehi melalui kaedah temubual umum dan soal selidik dijalankan terhadap ahli kepada Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Negeri Perak (REHDA Perak) serta Syarikat Mimbar Nusantara Sdn. Bhd. yang membangunkan perumahan Kos Redah Perakku Tualang Sekah, Kampar secara pendekatan pemudahcara. Agensi berkaitan iaitu Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak juga dihubungi dan ditemubual bagi mendapatkan data dan maklum balas terhadap projek secara mudah cara yang dilaksanakan. Bagi maklumat dan data sekunder pula diperolehi daripada buku-buku, kajian-kajian lepas, jurnal, garis panduan dan pekeliling, rekod-rekod jabatan, keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, laporan-laporan agensi, kertas kerja pembentangan, minit-minit mesyuarat, keratan akhbar dan maklumat bertulis dari jabatan-jabatan terpilih.

1.7.2.1 Instrumen Pengumpulan Data

Bagi pengumpulan data primer dalam kajian ini, borang soal selidik secara *google form* telah digunakan. Soal selidik ini dibina hasil daripada perkara-perkara yang diketengahkan berkaitan topik kajian dalam kajian literature dan juga perbincangan dengan Pengerusi REHDA Perak. Borang google form telah diedarkan melalui mesej whatsapp dan email kepada pemaju-pemaju pada pertengahan bulan Januari 2021 sehingga hujung bulan Januari 2021 bagi memudahkan proses penyampaian dan penerimaan. Hasil dapatan dan maklumbalas responden akan diproses dengan menggunakan perisian SPSS untuk proses analisa selanjutnya. Terdapat dua bahagian dalam borang soal selidik iaitu Bahagian A demografi responden dan juga Bahagian B berkaitan persepsi pemaju terhadap pendekatan pemudah cara dalam pembangunan perumahan kos rendah.

Bahagian A: Latar Belakang Pemaju

Bahagian A merangkumi soalan pengumpulan maklumat demografi dan latar belakang daripada responden yang bersifat umum bagi melihat pengalaman pemaju dalam industri perumahan. Empat soalan merangkumi tempoh penglibatan pemaju dalam industri perumahan, lokasi skim perumahan telah dan sedang dibangunkan, keluasan tanah skim perumahan telah dan sedang dibangunkan serta bilangan unit rumah yang telah dan sedang dibangunkan.

Bahagian B: Persepsi Pemaju Terhadap Pendekatan Pemudah Cara

Bahagian B pula mengandungi 20 kenyataan berkaitan pendekatan pemudah cara dalam pembangunan perumahan kos rendah. Untuk analisis statistik deskriptif perisian *Statistical Package of Sosial Science (SPSS)* akan digunakan berasaskan data maklumbalas 20 soalan di bahagian B bagi mengkaji pilihan pemaju terhadap 5 jawapan pilihan skala likert skala ordinal yang merangkumi pilihan seperti berikut:

1. Sangat Tidak Setuju (Very Disagree)

2. Tidak Setuju (Disagree)
3. Neutral (Neutral)
4. Setuju (Agree)
5. Sangat Setuju (Very Agree)

Butiran soal selidik adalah seperti lampiran A.

1.7.2.2 Pensampelan Populasi

Proses pensampelan dibuat melibatkan populasi pemaju-pemaju yang aktif melaksanakan pembinaan di bawah Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Negeri Perak (REHDA) Perak dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP). Ini adalah selaras dengan populasi sasaran yang hanya melibatkan 64 pemaju perumahan daripada 128 ahli di bawah REHDA Perak yang masih lagi aktif dalam industri perumahan di Negeri Perak. Pengambilan responden yang tinggi akan menjejaskan potensi maklumbalas responden dalam kajian sebenar dan mengelakkan soal selidik dijawab oleh responden yang sama dengan responden soalan rintis. Dalam masa yang sama juga jumlah pengambilan sampel juga dibandingkan dengan pendekatan pengambilan sample kajian oleh Taro Yamane (1976). Formula pengambilan sample Yamane adalah seperti berikut:

$$n = \frac{N}{1+N(e)^2}$$

n = bilangan responden yang dikehendaki

N = jumlah pemaju yang aktif di Negeri Perak

e = peratusan ralat

Pengiraan sampel bagi kawasan kajian adalah seperti berikut:

$$N = 64$$

$$e = 10\%(0.1)$$

$$\frac{64}{1 + 64(0.1)^2}$$

$$64 / 1.64$$

n = 39 responden

Jumlah responden pemaju yang akan digunakan sebagai sampel sekurang-kurangnya 39 pemaju perumahan. Untuk kajian ini 41 responden telah diperolehi.

1.7.2.3 Ujian Rintis

Soalan yang dibuat dalam borang soal selidik adalah penting diuji ketepatan dan kebolehpercayaan. Untuk itu ujian rintis terhadap soalan-soalan dalam soal selidik perlu dilaksanakan. Tujuan ujian rintis dilaksanakan adalah bertujuan untuk mengenalpasti kekurangan atau kelemahan sesuatu alat dan tatacara kajian (Fraenkel & Wallen, 1996, Khidir & Othman, 2015 dalam Ahmad Suhaifis, 2018). Hasil ujian rintis akan digunakan untuk menilai semula bentuk soalan dalam setiap skala bagi pemilihan soalan akhir dan konsistensi instrumen berkaitan.

Kenyataan-kenyataan soalan ini juga telah dibincangkan dengan Pengerusi REHDA Perak berkaitan perkara-perkara yang boleh mempengaruhi dan memudahkan pembangunan rumah kos rendah. Sebelum soal selidik dan survey dibuat dan diedarkan kepada pemaju maklumbalas awal dibuat terhadap soalan-soalan selidik secara temubual dengan Pengerusi REHDA dan beberapa pemaju yang terlibat dalam pembangunan perumahan di bawah LPHP. Hasil temubual awalan ini menunjukkan soalan-soalan yang dibuat adalah relevan dalam membincangkan pendekatan pemudahcara dalam pembangunan perumahan terutamanya rumah kos rendah. Ujian rintis terhadap kenyataan-kenyataan soal selidik juga ini telah dibuat pada bulan awal bulan Januari 2021 dengan menggunakan *google form* terhadap 10 syarikat pemaju di bawah LPHP untuk melihat kesesuaian kenyataan-kenyataan dalam soal selidik yang diedarkan. Bilangan kajian rintis sebanyak 10 adalah mencukupi untuk menilai kenyataan-kenyataan yang akan dibuat survey seperti dinyatakan oleh Issac & Micheal (1995) dan Hill (1998).

1.7.2.4 Kesahihan dan Kebolehpercayaan

Bagi menguji kebolehpercayaan item-item kenyataan dalam soal selidik adalah melalui ujian ketekalan dalaman dengan menggunakan nilai koefisien Alpha Cronbach. Kenyataan item adalah boleh dipercayai sekiranya nilai koefisien (r) yang diperolehi adalah hampir dengan 1 atau mencapai 0.85 ke atas terutamanya apabila sampel yang digunakan kecil (McMillan & Schumacher, 2006, Cates, 1990). Ujian Alpha Cronbach untuk kajian rintis dalam kajian ini dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) telah memperolehi nilai 0.969 seperti Jadual 1.1 di bawah. Maka kenyataan item dalam soal selidik boleh dipercayai dan digunakan untuk kajian ini.

Jadual 1.1 Statisitik Kebolehpercayaan

| Reliability Statistics | | |
|-------------------------------|--|------------|
| Cronbach's Alpha | Cronbach's Alpha Based on Standardized Items | N of Items |
| .939 | .955 | 20 |

Sumber: Laporan SPSS Penulis

1.7.2.5 Dapatan Soal Selidik

Sebanyak 60 Syarikat Pemaju telah diedarkan borang soal selidik dengan menggunakan google form. 60 Syarikat Pemaju dipilih berdasarkan kepada keahlian pemaju dalam REHDA Perak yang aktif dan berdaftar dengan LPHP. Daripada 60 borang yang diedarkan seramai 41 pemaju telah mengemukakan jawapan kepada soal selidik yang diberi. Menurut Mr Raymond Chan Chee Keong, Pengerusi REHDA Perak, menyatakan daripada 128 ahli REHDA yang berdaftar di Negeri Perak hanya separuh daripada ahli tersebut yang aktif dalam pembangunan perumahan sejak kebelakangan ini. Untuk itu kadar maklumbalas jawapan soal selidik yang tidak sepenuhnya adalah merupakan sesuatu yang normal dan dialami juga oleh REHDA Malaysia dalam soal selidik yang dilaksanakan mereka sendiri.

1.7.3 Peringkat Analisis Kajian

Di Peringkat ini segala maklumat dan data yang diperolehi akan diteliti dan dianalisa dalam bentuk jadual, carta, gambarajah dan pernyataan bagi penerangan dan penjelasan kajian agar memenuhi objektif kajian. Data primer dan data sekunder yang dikumpulkan dalam peringkat kedua akan dianalisis berdasarkan objektif kajian yang ditetapkan. Penganalisan akan dilakukan menggunakan perisian SPSS Statistik (*Statistical Package for the Social Sciences*) dan *Microsoff Excel*. Kaedah yang digunakan adalah kaedah analisis frekuensi dan perskalaan likert. Data sekunder yang berkaitan akan disilang semak dan dikaji untuk menyokong dapatan kajian.

1.7.3.1 Kaedah Analisis Frekuensi

Analisis frekuensi dipilih dan digunakan untuk kajian ini kerana merupakan satu analisis kekerapan yang mudah bagi menggambarkan bilangan pemilihan berdasarkan kekerapan jawapan yang diberikan oleh pihak responden. Kaedah ini dipakai dalam bahagian A dan B di borang soal selidik untuk mengenalpasti latar belakang responden dan pandangan pemaaju, terhadap pelaksanaan pembangunan kos rendah melalui kaedah pemudah cara. Analisis akan mendapatkan kekerapan pemilihan jawapan responden dan diterjemahkan dalam bentuk peratusan dan skor min.

1.7.3.2 Analisis Penjadualan Silang

Analisis ini diguna pakai untuk melihat perhubungan di antara dua pemboleh ubah yang berkaitan dengan pemudah cara dalam pembangunan rumah. Kaedah ini merupakan analisis dua hala di mana melalui kaedah ini hasil digambarkan di dalam bentuk jadual frekuensi dua hala dan pelbagai hala. Analisis ini digunakan bagi membuat penyemakan hasil daripada perskalaan Likert. Analisis ini dilakukan bagi melihat hubungan di antara inisiatif dan insentif yang sangat membantu memudahkan pembangunan rumah kos rendah.

Kaedah Ujian Kuasa Dua digunakan bagi mengukur perhubungan signifikan pembolehubah dengan menggunakan data nominal atau ordinal. Memandangkan analisis statistik ini menggunakan 'Statistical Package for Social Science' atau SPSS, maka syarat yang perlu dipatuhi adalah ianya tidak boleh digunakan sekiranya nilai jangkakan sesuatu silangan adalah kurang daripada satu (Norusis, 1993). Kriteria yang dilihat dalam ujian ini adalah kedudukan paras signifikan. Paras signifikan, adalah piawai statistik yang digunakan sebagai asas keyakinan penyelidikan dan kebiasaannya pada paras dibawah 0.05 atau 95 peratus (Mohd. Majid Konting, 1990).

1.7.3.3 Perskalaan Likert

